

11 SEP 2003

Nazri-Meter

ORANG RAMAI DISARAN BUAT ADUAN TEKSI YANG ENGGAN GUNA METER

Langkawi, 11 Sept (Bernama) -- Orang ramai disaran memberikan kerjasama untuk membuat aduan mengenai keengganan pemandu teksi menggunakan meter semasa membawa penumpang.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, aduan hendaklah dilengkapi dengan maklumat lengkap seperti nombor pendaftaran, tempat dan waktu bagi membolehkan pihak berkuasa berkenaan mengambil tindakan.

Aduan tanpa maklumat lengkap tidak akan menyelesaikan masalah itu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Hias Tingkap Peragaan di sini hari ini.

Sebanyak 275 peserta yang terdiri daripada penyewa premis perniagaan milik Mara negeri Perlis dan Kedah menyertai kursus itu.

Mengenai masalah yang berlaku di Pulau Pinang, beliau berkata, kementerian tidak bertolak ansur dengan pemandu yang didapati melanggar peraturan.

Baru-baru ini kerajaan Pulau Pinang meminta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Wilayah Utara dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengambil tindakan terhadap pemandu teksi yang enggan menggunakan meter pada kenderaan mereka.

Ketika berucap merasmikan kursus itu, beliau berkata kursus itu diadakan hasil cetusan idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membuat pemerhatian premis-premis di negara ini khususnya bumiputra tidak mempamerkan hiasan tingkap dan dalaman yang cantik.

Mohamed Nazri mengingatkan pengusaha memberi perhatian serius kepada suasana persekitaran premis supaya sentiasa bersih, ceria dan mengamalkan budaya penyelenggaraan dalam menarik ramai pelanggan selain memberi penekanan kepada mengindahkan premis perniagaan.

--BERNAMA

ZI VP RV BK